



PENDUDUK meredah air ketika hujan lebat selepas selesai solat Jumaat di Masjid Kampung Bukit Tadok, Hulu Terengganu semalam.

Penduduk tidak sangka kampung dilanda banjir

HULU TERENGGANU – Kegembiraan lebih 500 penduduk kampung di sekitar daerah ini yang menyangka akan ‘terselamat’ daripada bencana banjir rupa-rupanya hanya mimpi kosong.

Mereka sebaliknya terpaksa berkemas barang dan meninggalkan rumah masing-masing apabila rumah dinaiki air melebihi satu meter akibat banjir terburuk yang biasanya hanya berlaku pada bulan November dan Disember.

Menurut seorang mangsa, Mariam Omar, 76, dari Kampung Nibong, dia langsung tidak menyangka banjir akan berlaku pada bulan Januari.

“Biasanya banjir berlaku pada November dan Disember tetapi banjir tahun ini sedikit pelik,” katanya ketika ditemui di pusat pemindahan Sekolah

Kebangsaan Nibong dekat sini semalam.

Tambah Mariam, dia dan suaminya, Abdul Latif Husin, 66, juga terkejut apabila didatangi beberapa penduduk lain yang terus membantu mereka mengemas barang-barang penting sebelum berpindah dengan menggunakan bot.

“Apabila hendak keluar ke pusat pemindahan pada pukul 11 pagi, saya terkejut sebab air sudah naik mencecah paras dada,” katanya.

Sementara itu, Ahli Dewan Undangan Negeri Telemong, Rozi Mamat memberitahu, beliau berpuas hati dengan tindakan segera yang diambil beberapa pihak bagi memastikan kebajikan penduduk yang menjadi mangsa banjir terjamin.